



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
SAMBUTAN HARI TIBI SEDUNIA 2023

Hari Tibi Sedunia disambut setiap tahun pada 24 Mac. Tujuan sambutan ini dilakukan adalah untuk meningkatkan kesedaran, komitmen serta sokongan pelbagai pihak terhadap usaha-usaha kawalan dan pencegahan yang dilakukan di seluruh negara. Tema bagi Hari Tibi Sedunia pada tahun ini adalah **“Yes! We Can End TB!”**. Tema ini memberi inspirasi dan harapan kepada negara dalam usaha dan strategi menamatkan epidemik tibi menjelang tahun 2035 melalui penglibatan kepimpinan peringkat tinggi bagi meningkatkan pelaburan dan bersama-sama menggembelng seluruh usaha, tenaga, kepakaran dan inovasi.

Pada tahun 2022, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan terdapat 10.6 juta kes tibi di seluruh dunia yang melibatkan 6 juta kes lelaki, 3.4 juta kes wanita dan 1.2 juta kes kanak-kanak. Di Malaysia, jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 2022 adalah 25,391 kes (kadar notifikasi 77.8 bagi setiap 100,000 penduduk) dengan peningkatan sebanyak 3,664 kes (17%) berbanding 21,727 kes (kadar notifikasi 63.5 setiap 100,000 penduduk) pada tahun 2021. WHO menganggarkan kadar insiden tibi bagi Malaysia adalah 97 setiap 100 ribu penduduk. Namun kadar insiden yang dilaporkan di negara kita ini adalah lebih rendah berbanding sasaran WHO tersebut. Sehubungan itu, usaha bagi meningkatkan kadar pengesanan kes melalui saringan awal penyakit tibi perlu ditingkatkan. Individu yang mempunyai risiko tinggi dijangkiti penyakit tibi seperti kontak kepada kes tibi, pesakit HIV, penyakit buah pinggang kronik, penyakit pulmori kronik (jenis obstruktif) dan perokok aktif adalah dinasihatkan melakukan saringan penyakit tibi.

Jumlah kematian tibi bagi Malaysia pada tahun 2022 adalah 2,572 kematian (kadar kematian 7.9 setiap 100,000 penduduk). Kadar ini meningkat sebanyak 284 kematian (12%) berbanding 2,288 kematian pada tahun 2021 (kadar kematian 6.9 setiap 100,000 penduduk).

Justeru, rawatan bagi penyakit tibi paru-paru adalah penting bagi kesembuhan dan mengelakkan komplikasi yang boleh menyebabkan morbiditi dan mortaliti. Pesakit yang berhenti mengambil rawatan dan enggan meneruskan rawatan boleh dikenakan tindakan perundangan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342]. KKM menyarankan agar semua pesakit sentiasa mematuhi jadual rawatan yang telah ditetapkan. Sokongan ahli keluarga, majikan, rakan sekerja dan masyarakat memainkan peranan penting bagi memastikan pesakit tidak terhenti rawatan.

Salah faham berkaitan penyakit tibi serta stigma terhadap pesakit dan keluarga perlu dihentikan. Komitmen yang tinggi dari anggota kesihatan di samping kerjasama yang erat dari semua agensi kerajaan, swasta dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) amat diperlukan bagi mencapai hasrat Malaysia menamatkan tibi menjelang tahun 2035 menjadi kenyataan. Yes! Together We Can End TB!

DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
24 MAC 2023